

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Sunday, March 10, 2019 4:27 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Mesyuarat Protem Mantapkan Gerak Kerja MFUN



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia

10 MAC 2019 / 03 REJAB 1440H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee
Gambar oleh: Unifilm

MESYUARAT PROTEM MANTAPKAN GERAK KERJA MFUN



UUM ONLINE: Kuala Lumpur - Dalam usaha meningkatkan keupayaan institusi pengajian tinggi awam (IPTA), lima universiti awam dalam kategori universiti berfokus telah mengadakan mesyuarat protem Malaysian Focus University Network (MFUN) pertama di EDC Hotel, hari ini.

Dipengerusikan Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Utara Malaysia, Prof. Dato' Dr. Sudin Haron, beberapa agenda telah dibincangkan sepanjang mesyuarat tersebut.

Prof. Dato' Dr. Sudin berkata, beliau berharap semua universiti terlibat itu dapat menggembeleng tenaga bersama-sama bagi merealisasikan hasrat YB Menteri Pendidikan iaitu menjadikan universiti untuk masyarakat.

"Jika kita bekerja secara silo, apa yang ingin dicapai mungkin tidak akan dikecapi tetapi sekiranya semua bersama-sama sudah pasti dapat mencapai hasil yang lebih besar.

"Saya juga berharap kita dapat mengamalkan konsep Maqasid Syariah, Rahmatan Lil 'Alamin dan model Malaysia jika mahu universiti menjadi model ikutan masyarakat," katanya.

Dalam mesyuarat itu, beliau menyatakan keperluan jawatankuasa MFUN dibentuk bagi menyelaraskan fungsi-fungsi universiti berfokus dan memantapkan gerak kerja MFUN supaya memudahkan pelaksanaan tugas dan agenda.

Antara agenda lain adalah perbincangan terma rujukan, perancangan aktiviti dan perkongsian sumber (*intra/inter programmes, shared manpowers, reduced overlapping, collective networking*).

Mesyuarat tersebut turut dihadiri pengurusan tertinggi Universiti Malaysia Kelantan, Universiti Malaysia Terengganu, Universiti Pendidikan Sultan Idris dan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia.

Universiti berfokus merupakan universiti yang menumpukan kepada bidang khusus berkaitan penubuhannya dan universiti berfokus adalah antara tiga kumpulan yang dikategorikan, selain universiti penyelidikan dan universiti komprehensif, selaras dengan matlamat sistem pengajian tinggi yang dibentuk untuk memastikan IPTA berupaya dalam usaha membina reputasi dengan keupayaan yang dinamik, berdaya saing selain mampu meramalkan cabaran masa hadapan dan bersedia untuk bertindak secara berkesan seiring dengan perkembangan global.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061
☎ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
f Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.